SIARAN MEDIA

21 Julai 2019

Untuk Siaran Segera

IWK SEGERA BERSIHKAN MINYAK PEKAT HITAM YANG MEMASUKI LOJI RAWATAN KUMBAHANNYA DI BATANG KALI

HULU SELANGOR: Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK) telah mengambil langkah pantas untuk membersihkan minyak pekat hitam yang ditemui di kebuk masuk loji rawatan kumbahan (GUS 134) di Batang Kali semalam.

Kerja-kerja pembersihan minyak berkenaan telah siap pada jam 5 petang semalam dan loji berkenaan telah kembali beroperasi secara biasa dan pelepasan efluen adalah mengikuti piawaian yang dtetapkan Jabatan Alam Sekitar (JAS).

Sebelum kemasukan minyak hitam tersebut, pasukan penyenggara loji memaklumkan tiada kesan buangan minyak pada hari sebelumnya dan loji berkenaan beroperasi secara biasa mengikut piawaian.

Menurut Ketua Operasi IWK Wilayah Selatan, Ir Mohd Taufik Salleh, pasukannya yang menerima maklumat daripada Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) pada awal pagi semalam telah bergegas ke loji berkenaan pada jam 5 pagi untuk memeriksa keadaan loji dan kualiti efluen yang dilepaskan.

“Pemeriksaan mendapati terdapat minyak pekat berwarna hitam yang memasuki loji berkenaan pada jam 7 pagi semalam dan kami terus menghentikan pelepasan efluen buat sementara waktu bagi menjalankan operasi pembersihan segera.

“Bagi mengelak sebarang gangguan kepada kualiti efluen, pengasingan telah segera dibuat untuk mengawal pelepasan effluen terakhirnya ke Sungai Liam,” katanya.

Kesan buangan minyak yang masuk secara terlarang ke loji berkenaan memerlukan rawatan tambahan yang membabitkan kerja-kerja penyedutan lapisan minyak yang tebal di kebuk masuk serta penggunaan bahan pengoksidaan untuk mengaktifkan proses biologi bagi mengurangkan kadar bau di efluen terawat.

Pada masa yang sama, Ir Mohd Taufik menjelaskan sebanyak 250 kg karbon (yang diaktifkan) diletakkan di saluran pelepasan efluen terakhir bagi mengurangkan bau sebagaimana yang dicadangkan pihak LUAS dan Air Selangor.

Ir Mohd Taufik menambah, pihak IWK turut menyediakan pasukan petugas untuk 24 jam bagi memantau sebarang kemasukan bahan yang dibuat secara terlarang daripada berulang.

Semalam, hasil siasatan LUAS mendapati minyak hitam terbabit dipercayai dibuang dari kawasan perindustrian di sekitar loji IWK. Pengerusi Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Hal Ehwal Pengguna, Sains Teknologi dan Inovasi Selangor, Hee Loy Sian membuat lawatan ke loji IWK terbabit bersama LUAS, Ahli Dewan Undangan Negeri, Jabatan Alam Sekitar serta pihak berkuasa lain.

- tamat -

Dikeluarkan oleh:
Jabatan Komunikasi Korporat, Indah Water Konsortium

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi **Wan Esuriyanti** di talian **012-271 8095**
atau **Shahrul Nizam Sulaiman** di talian **016-207 3727**
atau e-mel kepada **esuriyanti@iwk.com.my** atau **sharuls@iwk.com.my**

MENGENAI KAMI

Indah Water Konsortium Sdn Bhd ('IWK') ialah sebuah syarikat perkhidmatan pembetungan nasional milik Menteri Kewangan Diperbadankan yang bertanggungjawab untuk menyediakan perkhidmatan pembetungan untuk 24 juta pengguna.Tumpuan utama syarikat adalah pengendalian operasi dan penyelenggaraan lebih 6,000 buah loji olahan awam, 19,376 km panjang rangkaian paip pembetungan bawah tanah. IWK mempunyai modal insan dalam pelbagai bidang, kepakaran teknikal, proses olahan, aset strategik, sistem dan peralatan. Kepakaran lain IWK ialah perancangan dan kejuruteraan, perakuan pembangunan sistem pembetungan, proses reka bentuk, penilaian persekitaran, audit teknikal, kajian bahaya dan kebolehgunaan serta khidmat runding pengurusan projek.

Untuk maklumat lanjut, sila layari laman web kami di www.iwk.com.my